



3. TUD

25 years of commitment
towards excellence



UNIMAS/PEND.01/02-02 (21)

1 Mac 2017

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg Dato' / Prof/ Tuan / Puan,

Iklan Kekosongan Jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Sarawak

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mempelawa kakitangan akademik YBhg Dato'/Prof/Tuan/Puan yang berminat, untuk mengisi kekosongan jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) di Universiti ini dengan mengemukakan:

- Curriculum Vitae (CV)* yang lengkap dan terkini berserta gambar berukuran pasport; dan
- Key Performance Indicator (KPI)* dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Tarikh tutup permohonan adalah pada **31 Mac 2017 (Jumaat)**. Sila kemukakan permohonan kepada **Pendaftar, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia**.

Bersama ini dilampirkan hebahan iklan berkaitan untuk dimaklumkan kepada kakitangan akademik di organisasi YBhg Dato'/Prof/Tuan/Puan.

Kerjasama YBhg Dato'/Prof/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar

Haji Abu Bakar bin Ibrahim
Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak

s.k. Naib Canselor UNIMAS



SENARAI EDARAN

Pendaftar
Pejabat Pendaftar
Aras 7, Bangunan Canselori
Universiti Malaya (UM)
50603 WP KUALA LUMPUR

Pendaftar
Bangunan Canselori
Universiti Sains Malaysia (USM)
11800 PULAU PINANG

Pengarah Eksekutif Pentadbiran
Aras 5, Bangunan Canselori
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 Bangi
SELANGOR DARUL EHSAN

Pendaftar
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Jalan Slim
35900 Tanjung Malim
PERAK DARUL RIDZUAN

Pendaftar
Bangunan Canselori Sultan Ibrahim
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 UTM Johor Bahru
JOHOR DARUL TAKZIM

Pendaftar
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Aras 3, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
40450 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

 Pendaftar
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Aras 4, Bangunan Pentadbiran
88400 Kota Kinabalu
SABAH

Pendaftar
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
Kem Sungai Besi
57000 WP KUALA LUMPUR

Pendaftar
Universiti Putra Malaysia (UPM)
43400 Serdang
SELANGOR DARUL EHSAN

Pendaftar
Universiti Utara Malaysia (UUM)
06010 Sintok
KEDAH DARUL AMAN

Pendaftar
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
Mengabang Telipot
21030 Kuala Terengganu
TERENGGANU DARUL IMAN

Pendaftar
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
86400 Parit Raja
Batu Pahat
JOHOR DARUL TAKZIM

Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal
MELAKA

Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang (UMP)
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang
Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR

Pendaftar
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Tingkat 12, Bangunan KWSP
Jalan Bukit Lagi
01000 Kangar
PERLIS

Pendaftar
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Aras 1, Pejabat Pendaftar
Bangunan Canselori
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
TERENGGANU DARUL IMAN

Pendaftar
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
Kampus Bachok
Beg Berkunci No. 01
16310 Bachok
KELANTAN DARUL NAIM

Pengarah Eksekutif
Bahagian Perkhidmatan Pengurusan/Setiausaha Syarikat
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
Aras 3, Bangunan Rektor
P.O Box 10
50728 WP KUALA LUMPUR

Universiti Malaysia Sarawak

Kontemporari dan Berpandangan Jauh

Universiti Malaysia Sarawak, mempelawa individu yang berkelayakan dan berminat untuk mengisi jawatan Akademik yang berkenaan.

1. TIMBALAN NAIB CANSELOR:

- i. **AKADEMIK DAN ANTARABANGSA**
- ii. **HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI**

2. Gred: Gred Utama B (VU6)

3. Tangga Gaji:

Gred	Gaji Minimum	Gaji Maksimum
VU6	8,315.00	22,445.00

- 4. **Taraf Lantikan:** Tukar Sementara/Pinjaman/Kontrak.
- 5. **Tempoh Lantikan:** Tiga (3) tahun (Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi)

- 6. **Kelayakan dan Pengalaman:** Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor Gred C (Berjawatan tetap/kontrak/setaraf).

7. Kriteria Umum:

Pemilihan Timbalan Naib Canselor secara umumnya mestilah berasaskan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:-

a. Kecemerlangan Akademik

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasis antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan kecemerlangan dalam khidmat profesional.

b. Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

c. Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

d. Reputasi

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar kampus.

e. Personaliti

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

f. Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area* Universiti.

i. TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Kriteria Khusus:

Kriteria khusus jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA adalah seperti berikut:-

• Mempunyai PhD atau Kelayakan Profesional

Ini kerana penjawat bertanggungjawab mempergerusikan Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat (Profesor Madya ke bawah) dan perlu mempamerkan kewibawaan khususnya kelayakan akademik tertinggi PhD. Bagi Universiti yang berfokus seperti kejuruteraan, *Malaysian Technical Universities Networks* (MTUN), kelayakan profesional perlu diberi merit yang utama memandangkan proses akreditasi adalah salah satu bidang tugas TNC (A&A).

• Berpengalaman dalam Pembentukan Ko - Kurikulum (*curriculum design*)

Ini merupakan tugas hakiki TNC (A&A). Penyandang bertanggungjawab dalam agenda kritikal pengajaran dan pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan ko-kurikulum yang seimbang dan bersepada. Penyandang juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa yang lebih dalam AUKU dalam rekabentuk kurikulum Universiti.

• Pakar Pengajaran dan Pembelajaran

TNC (A&A) juga adalah seorang yang wajib dan dihormati dan mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (*Teaching & Learning*). Penyandang perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL), Pendekatan berdasarkan Projek Berorientasikan Masalah (POPBL), Pembelajaran Sepanjang Hayat (LL), Penaksiran dan *Outcome Based Education*.

• Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan

Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan serta telah dilantik sebagai Profesor. Ini kerana sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Guru, penyandang bertanggungjawab menentukan tanda aras calon Profesor Madya. Oleh itu, penyandang hendaklah cemerlang dalam penyelidikan, telah menerbitkan artikel dalam jurnal berwasisit, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.

• Cemerlang sebagai Penyelia yang Berjaya

Penyandang juga perlu mempunyai rekod cemerlang dalam penyediaan pascasiswa (Sarjana & PhD) dengan jayanya. Ini kerana TNC (A&A) bertanggungjawab dalam mempergerusikan Jawatankuasa Senat bagi Pengajian SiswaZah dan menjadi penimbang tara bagi isu-isu akademik pengajian siswazah.

• Hal Ehwal Antarabangsa

Penyandang akan ditugaskan untuk mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Oleh itu, pengalaman dan kebolehlilikatan di peringkat antarabangsa perlu dimiliki oleh penyandang. Calon harus mempunyai hubungan yang luas dan reputasi yang baik di peringkat serantau dan antarabangsa.

**ii. TIMBALAN NAIB CANSELOR
(HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)**

Kriteria Khusus:

Kriteria khusus jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA adalah seperti berikut:-

• Berpengalaman Menguruskan Urusan Berkaitan Pembangunan dan Hal Ehwal Pelajar

Penyandang perlu mempunyai pengalaman dalam menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan hal ehwal pelajar. Ini adalah kerana penyandang bertanggungjawab menyelia aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan pelajar terutama Majlis Perwakilan Pelajar agar sebarang aktiviti yang dijalankan selari dengan matlamat penubuhan Universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar semasa kerajaan.

• Aktif dalam Ko-kurikulum dan Berpengetahuan dalam Merekabentuk dan Melaksanakan Ko-kurikulum Berkredit serta Program Pembangunan Pelajar secara Holistik

Penyandang mestilah mahir dalam merekabentuk ko-kurikulum berteraskan Hasil Pembelajaran (LO) dan Kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi pembelajaran yang selaras dengan atribut afektif yang perlu dihasilkan melalui ko-kurikulum. Calon perlu berpengalaman dalam menterjemah ko-kurikulum berkredit kepada program memperkasakan pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

• Penglibatan dalam Jawatankuasa yang berkaitan dengan Hal Ehwal Pelajar

Penyandang jawatan ini akan terlibat dalam Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang berkaitan dengan hal ehwal pelajar. Oleh yang demikian, penyandang mestilah seorang individu yang *service-oriented* dan sentiasa bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebajikan mereka tidak kira siang ataupun malam. Penyandang juga perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling/rundingcara sebagai asas untuk mendekati pelajar dan mengetahui permasalahan mereka.

• Berpengalaman dalam Menguruskan Kolej-kolej Kediaman

Penyandang mestilah mempunyai asas dalam pengurusan. Ini adalah kerana pengurusan kolej-kolej kediaman di universiti merupakan tanggungjawab dan berada di bawah bidang kuasa TNC (HEPA). Penyandang mestilah mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pelajar agar perkhidmatan yang disediakan ini dapat melahirkan dan mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

• Mempunyai Jaringan Hubungan yang Luas serta Dihormati dari Kalangan Alumni

Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan alumni. Ini adalah kerana pewujudan alumni adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan Universiti.

8. Cara Memohon:

Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan bersama-sama *Curriculum Vitae* (CV) berserta gambar berukuran pasport terkini dan dihantar ke Pejabat Pendaftar, Universiti Malaysia Sarawak sebelum **31 Mac 2017**. CV hendaklah mengandungi maklumat-maklumat asas berikut:-

- a) Latar belakang, peribadi, keluarga, alamat surat menyurat, nombor telefon untuk dihubungi;
- b) Latar belakang pendidikan dan kerjaya; Semua salinan sijil akademik dan yang berkaitan, perlulah dikemukakan bersama permohonan ini (untuk calon yang bukan kakitangan UNIMAS).
- c) Anugerah dan hadiah yang berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- d) Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna bagi pembangunan universiti dan Pendidikan Tinggi Negara;
- e) *Key Performance Indicator* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- f) Dua nama penyokong sebagai rujukan (*referee*).

9. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemubual.

10. Sebarang pertanyaan sila hubungi:

- a) Tuan Haji Abu Bakar Ibrahim - 082-581091
Pendaftar
Emel: ibakar@unimas.my
- b) Haji Azlan Ramli - 082-581937
Timbalan Pendaftar
Emel: razlan@unimas.my

11. Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada:-

Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak
94300 KOTA SAMARAHAN

Tel : 082-581000 Fax : 082-581168

atau emel kepada:
razlan@unimas.my

Tarikh Tutup Permohonan: **31 MAC 2017 (JUMAAT)**

Permohonan berikut akan **DITOLAK** sekiranya tidak disertakan salinan dokumen-dokumen seperti di atas, salinan dokumen tidak disahkan, tidak lengkap atau tidak jelas, tidak ditandatangani, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti yang ditetapkan dalam iklan dan gambar tidak seperti yang ditetapkan. Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh permohonan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

